

VTAMA™ CREAM

Tapinarof (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VTAMA
2. Bagaimana VTAMA berfungsi
3. Sebelum menggunakan VTAMA
4. Cara menggunakan VTAMA
5. Semasa menggunakan VTAMA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VTAMA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan VTAMA

VTAMA ialah krim yang digunakan untuk merawat keadaan kulit psoriasis plak pada orang dewasa.

Bagaimana VTAMA berfungsi

VTAMA mengandungi ubat tapinarof, yang berfungsi untuk mengawal psoriasis plak.

Psoriasis menyebabkan kawasan kulit yang meradang, di mana sel-sel kulit tumbuh terlalu cepat. Ini menghasilkan tompok merah, bersisik, tebal (plak) pada kulit.

VTAMA berfungsi untuk mengawal psoriasis anda dengan mengurangkan keradangan (kemerahan, bengkak, gatal-gatal, ketebalan, mengelupas).

Sebelum menggunakan VTAMA

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan gunakan VTAMA jika:
 - Jika anda mempunyai alahan terhadap tapinarof atau mana-mana bahan lain yang terdapat dalam VTAMA, atau mana-mana bahagian bekas (lihat **Maklumat Lanjut**).
- *Sebelum menggunakannya*
Untuk mengelakkan kesan sampingan dan memastikan penggunaan yang betul, berbincang dengan penjaga kesihatan profesional anda sebelum anda menggunakan VTAMA.

Berbincang tentang sebarang keadaan atau masalah kesihatan yang mungkin anda hadapi, termasuk jika anda:

- mengandung atau merancang untuk hamil. Tidak diketahui sama ada VTAMA akan membahayakan bayi dalam kandungan anda.
- sedang menyusu atau merancang untuk menyusu. Tidak diketahui sama ada VTAMA meresap ke dalam susu ibu anda.
 - Berbincang dengan penjaga kesihatan profesional anda tentang cara terbaik untuk menyusukan bayi anda semasa rawatan dengan VTAMA

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Beritahu penjaga kesihatan profesional anda tentang semua ubatan yang anda ambil, termasuk sebarang ubat, vitamin, mineral, suplemen semulajadi atau ubat alternatif.

Interaksi ubat belum dikaji untuk VTAMA.

Cara menggunakan VTAMA

- Gunakan VTAMA seperti yang diarahkan oleh penjaga kesihatan profesional anda.
- VTAMA adalah untuk kegunaan luaran sahaja. **VTAMA BUKAN untuk kegunaan oral, oftalmik atau intravaginal.**
- Sapu VTAMA pada kulit yang kering dan bersih.
- Basuh tangan anda selepas menggunakan VTAMA melainkan sekiranya ia digunakan untuk merawat tangan anda.
- Elakkan berenang, mandi, mandi pancuran, atau aktiviti sukar sekurang-kurangnya 2 jam selepas menggunakan VTAMA.
- Jika orang lain menyapukan VTAMA untuk anda, mereka hendaklah mencuci tangan mereka selepas menggunakan VTAMA.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapukan VTAMA sebagai lapisan nipis hanya pada bahagian kulit yang mempunyai psoriasis, sekali sehari.

Elakkan menyapu VTAMA pada kawasan kulit yang tiada psoriasis.

- *Bila perlu digunakan*
Digunakan seperti arahan penjaga kesihatan profesional anda.
- *Berapa lama perlu digunakan*
Gunakan VTAMA seperti yang diarahkan oleh penjaga kesihatan profesional anda.
- *Jika anda terlupa menggunakan*
Jika anda terlupa menggunakan VTAMA, gunakannya sebaik sahaja anda teringat. **JANGAN** gunakan VTAMA lebih daripada sekali sehari.
- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*
Jika anda menggunakan terlalu banyak VTAMA, lapkan sebahagian daripadanya.

Semasa menggunakan VTAMA

- *Perkara yang perlu dilakukan*
Gunakan VTAMA seperti yang diarahkan oleh penjaga kesihatan profesional anda.
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan berikan VTAMA kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
 - Elakkan berenang, mandi, mandi pancuran, atau aktiviti sukar sekurang-kurangnya 2 jam selepas menggunakan VTAMA.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, VTAMA boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Ini bukan semua kesan sampingan yang mungkin anda alami apabila

menggunakan VTAMA. Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di sini, beritahu penjaga kesihatan profesional anda.

Kesan sampingan yang mungkin adalah:
Sangat biasa

- *Folliculitis*: benjolan merah timbul di sekitar liang pori rambut

Biasa

- *Nasopharyngitis*: sakit atau bengkak pada hidung dan tekak
- Dermatitis Sentuhan: ruam atau kerengsaan kulit termasuk gatal-gatal dan kemerahan, mengelupas, terbakar atau pedih
- Sakit kepala
- Influenza (selesema): demam, batuk, sakit otot dan badan, sakit kepala, hidung berair atau tersumbat, sakit tekak, kesesakan sinus, bersin, secara amnya berasa tidak sihat
- *Pruritis* (Gatal-gatal)

Jarang

- *Urticaria* (gegata)

Jika anda mengalami gejala yang menyusahkan atau kesan sampingan yang tidak disenaraikan di sini atau ia menjadi cukup buruk untuk mengganggu aktiviti harian anda, beritahu penjaga kesihatan profesional anda.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan VTAMA

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada atau di bawah 30°C.

Jangan dibekukan.

Lindungi daripada pendedahan kepada haba yang berlebihan.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

VTAMA (tapinarof, krim) ialah krim berwarna putih hingga putih pucat tanpa tanda-tanda pemisahan fasa yang boleh dinampak dan disediakan di dalam:

- 60 g tiub laminat penghalang aluminium (ABL) dengan bahu polietilena berketumpatan tinggi (HDPE), membran tertutup yang boleh dikupas dan penutup polipropilena (PP) putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - tapinarof
- Bahan tidak aktif
 - *benzoic acid*,

- *butylated hydroxytoluene*,
- *citric acid monohydrate*,
- *diethylene glycol monoethyl ether*,
- *disodium edetate*,
- *emulsifying wax*,
- *medium-chain triglycerides*,
- *polyoxyl 2 stearyl ether*,
- *polyoxyl 20 stearyl ether*,
- *polysorbate 80*,
- *propylene glycol*,
- *purified water*,
- dan *sodium citrate dihydrate*.

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

Bora Pharmaceutical Services Inc.
7333 Mississauga Road
Mississauga, Ontario L5N 6L4 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Organon Malaysia Sdn. Bhd.
3A-08-02, Level 8, Corporate Tower 3A,
Pavilion Damansara Heights,
No. 3, Jalan Damansara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

21/01/2026 (versi 042025)

Nombor Siri

NPRA (R1) 26/005